

THE DEVELOPMENT OF ISLAMIC EDUCATION IN NUSANTARA: EXPLORING EXPERIENCE IN MALAYSIA¹

Solahuddin bin Ismail² & Dr. Rozita binti Abdul Mutalib³

School of Government - COLGIS

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Pendidikan Islam telah memberi sumbangan besar dalam proses pembangunan negara Malaysia. Sejak Islam dipersembahkan di Tanah Melayu oleh pendakwah, pendidikan Islam terus mendapat tempat dihati orang-orang Melayu. Perjalanannya yang panjang telah mewujudkan dwi sistem dalam pendidikan Islam. Sistem tradisional masih kekal diterima oleh orang-orang Melayu. Manakala sistem dwi aliran menjadi pemangkin dalam memperkasa Islam di Malaysia. Jalinan kedua-dua sistem ini semestinya dapat melahirkan tenaga dakwah yang ramai dan masing-masing berusaha untuk mencapai matlamat yang satu iaitu memastikan Islam tidak hilang dari mata pandangan rakyat Malaysia.

Islamic education contributed deeply in Malaysia development process. Since Islam came to Malaya and presented by the da'ie, it was embedded in Malay society until now. The long journey has created dual system in Islamic education. The traditional system is still applicable and practice, whereas the modern (dual) system becoming a catalyst in strengthening Islam in Malaysia. A combination of both system is necessary to increased the numbers of da'ie who can work together to ensure that Islam remain significant in Malaysia.

Kata Kunci: Pendidikan Islam, Sekolah Agama, Malaysia, Penjajahan

1. PENDAHULUAN

Islam merupakan agama pendidikan. Setiap inci ajaran Islam yang disampaikan kepada manusia merupakan pendidikan. Asasnya adalah ilmu. Dalam Islam, ilmu perlu disebarluaskan kepada ummah. Dan tatacara penyebarannya adalah melalui dakwah. Ia seharusnya dijayakan oleh golongan ilmuan yang dalam istilah agamanya disebut sebagai ulama. Adalah menjadi kewajipan ulama untuk menyampaikan risalah Islam kepada umum agar masyarakat terlepas daripada kejumudan dan kejahilan dalam kehidupan. Usaha melepaskan ummah dari kesesatan beragama seharusnya perlu dipaksakan dengan ikatan pendidikan. Pendidikan Islam adalah persoalan kefarduan bagi penganutnya. Setiap diri yang bergelar Muslim berkewajipan untuk menuntut ilmu. Pengetahuan yang diperolehi hasil dari pendidikan tersebut perlu dihayati dan ditekuni bukan sahaja untuk keperluan peribadi tetapi juga untuk pembangunan ummah. Kejayaan ummah bertitik tolak dari kejayaan diri. Dan asas pengukuhan diri bermula dengan ilmu yang dicarigali melalui pendidikan. Di Malaysia, usaha mendidikan rakyat tentang Islam telah giat dilaksanakan oleh pihak

- ¹ Makalah yang dibentangkan di acara **Launching Pusat Studi MALINDO** dan **Seminar Internasional** di Universitas Pembangunan Nasional (UPN) "Veteran" Yogyakarta, Indonesia pada 25 Januari 2013.
- ² Solahuddin bin Ismail adalah Pensyarah (Dosen) di School of Government, College Law, Government and International Studies (COLGIS), Universiti Utara Malaysia
- ³ Dr. Rozita bin Abd. Mutalip adalah Pensyarah (Dosen) di School of Government, College Law, Government and International Studies (COLGIS), Universiti Utara Malaysia

pemerintah. Ia dimulai dengan asas pendidikan di peringkat pra sekolah (Taman Didikan Kanak-Kanak-TADIKAN) sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi (universiti). Pendidikan Islam yang ditawarkan pula adalah bersifat semasa demi menjamin perolehan yang baik di dunia dan di akhirat.

2. LITERASI PERKEMBANGAN PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

Pendidikan Islam mula menerokai kehidupan masyarakat Melayu sejak abad ke 7M. Kedatangan pedagang merangkap pendakwah Islam telah mewarnai perkembangan Islam di kalangan orang-orang Melayu. Islam disebarkan secara langsung kepada pihak pemerintah (istana & bangsawan) dan diikuti oleh rakyat di bawahnya (Kassim Thukiman, 2002, Abdul Rahman Hj Abdullah, 1989). Kebijaksanaan ulama dalam memperkenalkan dan mempersembahkan Islam kepada masyarakat telah menyebabkan Islam mendapat tempat yang baik dihati penduduk tempatan (orang Melayu). Gerakan pendidikan Islam pada peringkat awalnya telah menjadikan istana, rumah guru, surau dan masjid sebagai pusat informasi ilmu-ilmu Islam kepada khalayak dan corak pengajian peringkat awal ini berlaku secara tidak formal. Dalam perbincangan ini penulis membahagikannya kepada tiga peringkat seperti berikut:

Pra Kolonial

Masyarakat Melayu sebelum bermula penjajahan bernaung di bawah satu rumpun yang dikenali sebagai rumpun Melayu. Istilah yang seringkali diguna pakai untuk melabel ruang lingkup rumpun Melayu adalah seperti Nusantara, Kepulauan Melayu, Alam Melayu dan juga Tanah Jawi. Kehidupan Melayu tidak dipisahkan oleh sempadan negara seperti yang berlaku pada hari ini. Apabila tidak wujud persempadanan negara, maka masyarakat Melayu bebas untuk bergerak dalam ruang lingkup Melayu itu tanpa ada sekatan dan batasan tertentu. Kebebasan yang diperolehi tersebut melayakkan umat Melayu berinteraksi sesama rumpun dalam aspek politik, ekonomi dan juga pendidikan. Orang-orang Melayu bernaung di bawah kerajaan yang menguasai rumpun Melayu seperti Perlak, Samudera Pasai, Kesultanan Melayu Melaka, Kerajaan Islam Aceh Darussalam, Pattani dan Johor Riau.

Dalam konteks pendidikan Islam, proses pertukaran dan perkongsian ilmu telah lama berlaku di kalangan rumpun Melayu di Nusantara. Ia telah berkembang dan telah diinstitusikan sebagai pusat pengajian untuk mendidik anak bangsa tentang Islam. Institusi ini telah diberi pelbagai nama mengikut tempat ia ditubuhkan seperti pondok di Tanah Melayu dan Pattani, pesantren di Jawa, pesantren di Madura, rangkang di Aceh dan surau atau langgar di Minangkabau. Dengan menginstitusikan pendidikan Islam, maka berlaku transformasi ke atas sistemnya yang sebelum ini bersifat tidak formal kepada sistem pendidikan Islam yang formal. Ia berlaku secara serentak ke seluruh daerah dalam taklukan tersebut.

Perubahan kepada sistem pendidikan Islam formal menjadikan corak pendidikan yang diketengahkan kepada masyarakat lebih tersusun dan bersistematik. Kaedah pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih terurus dengan adanya penjadualan masa pengajaran dan penggunaan kitab-kitab tertentu. Walau bagaimanapun, kaedah yang diketengahkan masih lagi bersifat tradisional dengan mengekalkan konteks pengajian umumi yang terbuka kepada seluruh masyarakat tanpa mengira peringkat umur. Silibus pengajian merangkumi paksi ajaran Islam iaitu akidah, syariah dan akhlak. Ilmu disampaikan dalam bentuk halaqah secara terbuka kepada masyarakat awam.

Sistem pendidikan Islam bersifat tradisional dan umumi wujud hasil daripada perkongsian ilmu antara ulama yang datang dan lahir di Nusantara. Kolaborasi ilmu telah meletakkan Nusantara dalam peta dunia pada masa tersebut sebagai pusat pendidikan Islam dalam melahirkan ulama terkenal seperti Makhdum Musa, Maulana Yusof, Teungku Chik Muhammad, Wali Songo, Hamzah Fansuri, Abdul al-Rauf Singkel dan sebagainya. Penyatuan ilmu atas dasar agama telah digerakkan oleh keinginan ulama untuk berdakwah. Rasa tanggungjawab menyebarkan Islam dan memahami masyarakat Melayu tentang Islam telah dipikul oleh golongan ulama di Nusantara. Mereka berkelana ke seluruh Nusantara untuk berdakwah. Kebanyakan tempat persinggahan mereka telah didirikan pusat ilmu. Ada yang terus menetap dan mem-

Created with



persinggahan mereka dan ada juga terus mengembara meneruskan perjuangan menyebarkan ajaran Islam ke wilayah lain.

Gambaran pendidikan Islam zaman pra kolonial menunjukkan sifat keterbukaan dalam menyampai dan menerima ilmu di Nusantara. Golongan ulama bebas bergerak untuk menyampaikan Islam berasaskan kealiman dan dan kedalaman ilmu masing-masing. Dalam perjalanan tersebut, mereka mengajar dan belajar untuk menambah ilmu sedia ada. Segala urusan kehidupan diserahkan sepenuhnya kepada Allah SWT untuk menentukan rezeki yang bakal diperolehi.

Kolonial Barat

Kesultanan Melayu Melaka telah dijajah oleh Portugis pada tahun 1511M. Ia kemudian diserahkan kepada Belanda pada tahun 1641M dan akhirnya British pada tahun 1874M. Persoalannya, bagaimanakah bentuk pendidikan Islam era penjajahan? Menurut Abdullah Ishak (1995), penjajah Portugis dan Belanda di Tanah Melayu pada ketika itu tidak banyak mendokumentasi perkara yang berkaitan dengan pendidikan Islam. Ini kerana pihak penjajah lebih menumpukan hal ehwal berkaitan dengan kuasa dan kedudukan ekonomi mereka. Beliau mengandaikan bahawa pendidikan Islam terus bergerak dalam bentuk institusi tetapi dalam keadaan yang statik. Namun usaha untuk menyaingi perkembangan Islam telah dilaksanakan oleh mereka. Penjajah Portugis cuba menyediakan gereja dan sekolah mubaligh seperti Gereja St. Paul, Pusat Mubaligh Jesuit dan Sekolah St. Paul sebagai saingan kepada institusi pendidikan Islam ketika itu. Namun usaha penyebaran ajaran Kristian kutang mendapat sambutan di kalangan penduduk tempatan. Keserasian Islam dengan budaya tempatan Melayu menyebabkan usaha mengambangkan ajaran Kristian menjadi suram. Ini kerana asas pendidikan Islam yang telah diajar oleh golongan ulama telah diterima dan dijadikan budaya hidup oleh kalangan orang-orang Melayu (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1992).

Ini agak berbeza dengan penjajah Belanda yang lebih fokus kepada usaha mengukuhkan kuasa politik dalam menghadapi saingan Portugis dari luar dan kerajaan Bantam dan Kerajaan Mataram dari dalam. Selain itu, usaha mengukuhkan sektor ekonomi menjadi teraju utama menyebabkan Belanda kurang berminat untuk menyebarkan ajaran Kristian kepada masyarakat Melayu. Dalam konteks pendidikan Islam, Abdullah Ishak (1995) menegaskan dalam menghadapi survival politik ekonomi Belanda, pendidikan Islam berada dalam dua kemungkinan. Pertama; pendidikan Islam bergerak seperti sebelumnya tetapi tidak didokumentasi kegiatan mereka. Kedua; ulama sengaja merahsiakan kegiatan pendidikan Islam agar tidak diancam oleh penjajah. Beliau bagaimanapun membuat rumusan bahawa pendidikan Islam zaman Belanda tetap berjalan dalam situasi yang tidak menonjol.

Pada tahun 1824M, wujud pembahagian kuasa atau tanah jajahan antara Belanda dengan British. Wilayah yang dijajah oleh Belanda yang terdapat di Tanah Melayu telah diberikan kepada British manakala wilayah British yang berada di Indonesia telah diagihkan kepada Belanda melalui Perjanjian Inggeris Belanda. British secara nyata tidak mahu campur tangan dalam urusan keagamaan dan adat istiadat Melayu. Fokus mereka hanya kepada urusan pentadbiran dan ekonomi. Menurut Shamsul AB (2011), usaha British telah mengecilkan kuasa pemerintah Melayu dengan membentuk kerajaan kecil dalam kerajaan besar. Dengan demikian kuasa raja dan sultan Melayu hanya tertakluk kepada urusan agama dan ada istiadat sahaja.

Justeru pendidikan Islam juga terletak di bawah naungan sultan dan raja-raja Melayu. Oleh kerana itu, usaha mengambangkan institusi pendidikan Islam berjalan seperti sebelumnya tetapi perlu didaftarkan kepada Majlis Agama Islam Negeri (Shamsul AB & Azmi Aziz, 2011). Nama pondok telah ditukarkan kepada nama madrasah atau sekolah Arab. Proses mengemaskini sistem pendidikan ini bertujuan untuk memantau guru dan ideologi yang dipersembahkan kepada pelajar kerana sekitar awal kurun ke 20M telah berlaku perbezaan pandangan antara golongan yang bergelar kaum muda (salaP /wahabi) dan golongan kaum tua (khalaf) (William Roff, 2004). Usaha ini dilakukan bagi memastikan setiap program pengajian yang disampaikan perlu memenuhi tuntutan akidah, syariah dan akhlak yang selari dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah di Tanah Melayu.

Pertentangan kaum tua dan kaum muda telah mencorak dan menjadikan pendidikan Islam berkembang dengan lebih pesat. Ia telah mewujudkan dua sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu. Pertama aliran yang dipelopori oleh kaum tua yang bersifat tradisional dan masih mengekalkan tradisi pondok dan menggunakan kitab Arab (juga disebut sebagai kitab kuning). Mereka masih mengamalkan kaedah *umumi talaqqi* dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar. Kedua aliran yang dipelopori oleh kaum muda yang menggabungkan pendidikan agama (*diniyah*) dengan kurikulum sekular. Sistem ini dinamakan sebagai sistem sekolah atau sistem *nizami*. Ia ditubuhkan bagi menyaingi sistem pendidikan yang ditawarkan oleh Inggeris (William Roff, 2004). Kurikulum *diniyah* yang diajarkan kepada pelajar diambil dari kurikulum al-Azhar yang digabungkan dengan mata pelajaran sekular (Azizi Umar et al., 2011) seperti matematik, geografi, pertukangan dan sebagainya. Golongan yang membawa aliran *nizami* ini telah terpengaruh dengan gerakan pembaharuan (reformasi) yang telah dianjurkan oleh Muhammad Abdou dan Jamaluddin al-Afghani di Mesir. Antara nama yang masyhur yang memperjuangkan pembaharuan pendidikan Islam di Tanah Melayu oleh gerakan kaum muda adalah Syekh Muhammad Tahir Jalaluddin - kelahiran Ampek Angkek Bukit Tinggi Sumatera Indonesia - (Mohamad Amin Abu Bakar et al., 2011) dan Syed Syekh al-Hadi yang mahukan masyarakat Melayu bangun memperjuangkan agama Islam melalui pendidikan. Pada pandangan mereka, orang-orang Melayu harus maju dalam pendidikan bagi menguasai dan melawan sistem yang dibawa oleh penjajah. Sekolah dua aliran pertama yang ditubuhkan oleh golongan muda adalah Madrasah Iqbal (1908) di Singapura. Ia diikuti oleh Madrasah al-Hadi (1915) di Melaka dan Madrasah al-Mashhor (1919) di Pulau Pinang (William Roff, 2004, Rosnani Hashim & Hassan Langgulong, 2008).

Hakikatnya pendidikan Islam zaman penjajah telah dinafikan hak untuk mendapat pembiayaan dari pihak pemerintah. Segala urusan yang melibatkan kewangan ditanggung secara persendirian oleh pihak yang mengurus institusi pengajian sama ada pondok atau sekolah agama/Arab. Biaya pentadbiran seperti pengajian guru, penyelenggaraan sekolah dan sebagainya ditaja oleh masyarakat setempat dalam bentuk derma, amal jariah, infak dan harta wakaf. Sumbangan orang ramai telah menjadikan institusi ini dimiliki oleh rakyat sehingga sistem dua aliran yang dilaksanakan digelar sebagai sekolah agama rakyat (SAR). Guru dan pentadbir sekolah hanya sebagai pemegang amanah untuk menggerakkan pendidikan Islam sejajar dengan ilmu yang ada dalam diri mereka. Segala pemilikan dan harta sekolah adalah merupakan sumbangan yang disedekahkan oleh penduduk tempatan yang dahaga ilmu pengetahuan tentang dunia dan akhirat.

Walaupun begitu, terdapat satu lagi bentuk sistem dua aliran yang bernaung di bawah Majlis Agama Islam Negeri. Sekolah jenis ini dinamakan sebagai Sekolah Agama Negeri (SAN). Ia wujud di kebanyakan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu seperti Maktab Mahmud (1936) di Kedah dan Maahad Muhammadi (1937) Kelantan. SAN mendapat pembiayaan oleh kerajaan negeri ditambah dengan bantuan orang awam. Ia juga bergelar Sekolah Sultan kerana sultan yang memerintah negeri tersebut merupakan penanggung bagi sekolah-sekolah berkenaan bersesuaian dengan prinsip sultan yang memegang urusan keagamaan dan adat istiadat negeri.

Post Kolonial

Tanah Melayu telah dimerdekakan oleh British pada tahun 1957 M. Pendidikan Islam selepas merdeka masih kekal dengan sistem pondok dan SAR. Ia masih ditadbir oleh rakyat secara persendirian. Ia berlarutan hingga pertengahan tahun 1960. Namun pada tahun 1967, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil alih Kolej Islam Malaya dan diberi nama baru iaitu Kolej Islam Kelang. Ia kemudian dinaik taraf menjadi sebuah sekolah berasrama penuh berteraskan agama dengan nama baru iaitu Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS). Pada tahun 1977, Kementerian Pelajaran Malaysia telah bersetuju untuk mengambil alih pula 11 SAR untuk diletakkan di bawah pengurusan Kerajaan Malaysia. SAR ini diberi nama baru iaitu Sekolah Menengah Agama Kebangsaan (SMKA) (Azizi Umar & Supyan Hussin, 2012). Segala urusan berkaitan pentadbiran dan kewangan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan. Begitu juga dengan perlantikan guru yang

bertauliah telah diurus, dilantik dan dibayar gaji oleh pihak kementerian berkaitan (lihat Portal Rasmi Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia).

Tahun 2005, SAR dan SAN telah ditawarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk bernanung di bawah kerajaan Malaysia dan mendapat bantuan sama seperti sekolah menengah kebangsaan harian lain. Tawaran ini bertujuan untuk menjamin sumber kewangan yang sempurna di samping mendapat guru-guru yang terlatih. Ada sekolah yang menerima tawaran tersebut dan ada yang menolak. Sekolah yang menerima harus bersedia untuk membuat perubahan dalam soal pentadbiran dan kakitangan. Sekolah-sekolah ini diberi nama baru iaitu Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Kebanyakan SABK banyak menerima dana dalam bentuk kemudahan infrastruktur, guru terlatih dan sistem pentadbiran yang dikawal selia oleh pihak kementerian. Namun pihak lembaga pengelola sekolah masih berfungsi untuk mentadbir dan memberi pandangan dalam hal ehwal berkaitan sekolah.

Hal yang sedemikian tidak berlaku pada sistem pondok. Mereka masih mengekalkan status quo sebagai pusat dan institusi pendidikan agama corak tradisional. Walaupun tanpa pembiayaan dari pihak pemerintah, mereka masih lagi mampu untuk mengurus dan mentadbir mengikut cara tradisi. Pembiayaan dan sumbangan masyarakat setempat dan luar sentiasa ada bagi menjamin survival sistem ini. Begitu juga dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang masih dikekalkan dengan cara lama. Tiada sijil yang diperlukan tetapi peluang untuk menyambung pelajaran dalam konteks yang sama di dalam dan luar Negara masih terbuka kepada para pelajarnya. Universiti bukan menjadi medan utama pelajar tradisional memperkembangkan ilmu pengetahuan mereka kerana keutamaan mereka adalah kelangsungan ilmu dan silsilah guru yang menjadi pilihan.

3. PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA KINI

Pada masa kini, sistem pendidikan Islam boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu sekolah agama kerajaan persekutuan, sekolah agama kerajaan negeri dan sekolah agama persendirian. Bagi sekolah agama kerajaan persekutuan ia ditadbir oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Sekolah ini terbahagi kepada empat jenis iaitu Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dan Kelas Aliran Agama Sekolah Menengah Kebangsaan (Sekolah Harian). Sekolah agama kerajaan negeri pula ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri sebagai badan yang melaksanakan mandat pentadbiran yang diketuai oleh Exco Agama Negeri. Dan sekolah persendirian pula diurus oleh Lembaga Pengelola Sekolah. Ia terbahagi kepada tiga jenis iaitu Sekolah Pondok, Sekolah Agama rakyat dan Sekolah Tahfiz al-Quran.

Kerajaan Malaysia telah mengemaskini corak dan bentuk sistem pendidikan Islam khususnya dalam pendidikan Islam dwi sistem. Sehingga 2012, sistem pendidikan Islam di Malaysia masih mengekalkan corak tradisi dan corak moden. Golongan yang tidak mementingkan pengijazahan akan masuk ke aliran tradisional. Manakala golongan yang mahukan ijazah dan sijil oleh pihak kerajaan akan masuk ke sekolah dwi sistem. Kepelbagaian jenis pendidikan Islam yang wujud di Malaysia melambangkan dasar terbuka dan keperihatinan kerajaan untuk menyemarak syariat Islam di Malaysia. Tambahan pula bentuk pendidikan agama telah mendapat tempat dan permintaan yang amat baik sekali di kalangan ibu bapa yang menginginkan pelajar memahami ilmu dunia dan akhirat.

Bentuk kurikulum yang diberikan kepada pelajar dwi sistem telah dimodifikasi agar ia bersesuaian dengan keperluan semasa. Ia terbahagi kepada dua bentuk iaitu kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia dan kurikulum Universiti al-Azhar (Bu'uth al-Azhar). Kebanyakan sekolah tajaan kerajaan kekal dengan kurikulum yang digubal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Dan majoriti sekolah agama persendirian yang mengamalkan dwi sistem memilih untuk menggabungkan kurikulum kementerian dan kurikulum al-Azhar. Namun begitu proses pengijazahan bagi dwi kurikulum ini sentiasa dipantau oleh Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia bagi menjamin kualiti dan mutu pelajar yang dihasilkan.

4. PENUTUP

Pendidikan Islam merupakan satu keperluan bagi umat Islam Malaysia. Ia berkembang dan bercambah selari dengan perkembangan semasa. Walaupun wujud dua aliran pendidikan Islam yang berbeza tetapi matlamat mereka adalah satu untuk melahirkan generasi rabbani yang berpegang teguk dengan ajaran Islam. Ia juga sebagai benteng untuk mengelak rakyat Malaysia dari terperangkap dengan gejala mungkar yang ditegah oleh Islam. Islam sebagai syariat yang perlu dipertahankan oleh seluruh masyarakat Muslim dan salah satu taticara mempertahankan Islam adalah melalui pendidikan Islam.

Kebebasan sepenuhnya telah diberikan oleh Kerajaan Malaysia untuk rakyat mendalami ilmu tentang Islam. Ia adalah simbol demokrasi kerajaan untuk rakyat mendapat hak mereka sebagai warganegara. Hal yang sedemikian telah diterjemahkan oleh kerajaan dengan membuka ruang yang seluas-luasnya kepada sistem pendidikan Islam untuk terus maju dan berkembang. Justeru, golongan pendakwah telah menggunakan medan ini untuk terus melaksanakan perintah agama agar Islam terus mekar di Malaysia khususnya dan dunia amnya.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Hj Abdullah, 1989, **Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional**, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn Bhd.
- Abdullah Ishak (1995), **Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Umar & Supyan Hussin, *Cabaran Penyelarasan Suasana Antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan Dalam Mengurus Sekolah Agama Bantuan Kerajaan* dalam **Journal of Islamic and Arabic Education 4 (1)**, 2012. Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Umar, Wan Zulkiß i Wan Hassan & Aminuddin Basir, *Cabaran Melahirkan Ulama Melalui Kurikulum Diniyah di Sekolah Agama Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan* dalam dalam **Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV**, 2011, Bangi; Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kassim Thukiman, 2002, **Malaysia Perspektif Sejarah dan Politik**, Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Mohamad Amin Abu Bakar, Mohd. Ridzuan Awang & Iknor Azli Ibrahim, *Sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin (1860-1965M) terhadap Perkembangan Fiqh di Nusantara* dalam **Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV**, 2011, Bangi; Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Portal Rasmi Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia** di akses pada 14 Januari 2013.
- Rosnani Hashim & Hassan Langgulung, *Islamic Religious Curriculum in Muslim Countries: The Experiences Of Indonesia and Malaysia* dalam **Bulletin of Education & Research**, June 2008, vl. 30, no. 1.
- Shamsul Amri Baharuddin & Azmi Aziz, *Colonial Knowledge and Reshaping of Islam, the Muslim and Islamic Education in Malaysia* dalam Kamaruzzaman Bustamam at.all., 2011, **Islamic Studies and Islamic Education in Contemporary Southeast Asia**, Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuan.

Transformation Malaysia Indonesia Relation : Toward Asean Community 2015

Created with

